

27 Staf Dan Pelajar UMS Sertai Kursus Latihan Diplomatik

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 25 Ogos 2017 09:07 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 634

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 24 OGOS – Seramai 27 peserta yang terdiri daripada staf dan pelajar prasiswazah UMS menyertai Kursus Latihan Diplomatik anjuran Institut Diplomasi

dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) yang bertempat di Wisma Putra Kuala Lumpur masih berlangsung hingga kini bermula dari 21 Ogos dan dijangka berakhir pada 25hb Ogos 2017.

Program yang berlangsung selama 5 hari ini bertujuan untuk memperkasa kemahiran diplomasi bagi pelajar dan kakitangan UMS, memperoleh pendedahan dan latihan dalam kemahiran diplomatik serta memperluaskan pengetahuan peserta berkaitan fungsi dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MOFA) & Dasar Luar Malaysia.

Melalui program ini peserta didedahkan dengan Pengenalan terhadap IDFR, Fungsi MOFA & Dasar Luar Negara Malaysia, Diplomasi Multilateral & Bilateral, Misi Perkhidmatan Konsular, Protokol, Diplomasi Awam dan Hubungan Media, Peranan Seni Rundingan, Fungsi Pusat Serantau Asia Tenggara Bagi Mencegah Keganasan (SEARCCT) dan Sumbangannya dalam memerangi Keganasan, Malaysia di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan ASEANS, Peragaan Diri, Sosial & Dinning Etiquett.

Program ini juga dilaksanakan berterusan setiap tahun untuk memberi peluang kepada pelajar bidang hubungan antarabangsa dapat menjalani latihan industri dan program felo perdana di bawah Kementerian Belia Sukan.

Sementara itu, rombongan 27 peserta tersebut bersama Naib Canselor UMS, Prof. Dr. D Kamaruddin D Mudin dan Pendaftar UMS, No'man Ahmad turut berkesempatan mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Anifah Aman.

Delegasi UMS kemudiannya diraikan dalam satu majlis jamuan makan tengahari di Dewan Serbaguna, Wisma Putra.

Oleh: Mardianag Shamsudin, Pelajar Latihan Industri BPK